

# **KENYATAAN MEDIA**

## **CIDB LANCAR JELAJAH TVET PEMBINAAN, GESA BELIA SERTAI INDUSTRI PEMBINAAN**

**Kuching, 21 September 2019:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini melancarkan Jelajah TVET Pembinaan sebagai inisiatif menarik lebih ramai belia khususnya yang menetap di luar bandar untuk meminati kerjaya dalam bidang pembinaan.

Pelancaran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berasaskan pembinaan yang disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Tuan Baru Bian itu, akan menjadi pusat setempat kepada para belia di seluruh negara mendapatkan maklumat, kursus dan peluang-peluang kemahiran berkaitan industri pembinaan.

Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata, memandangkan kerajaan kini giat melaksanakan program berkaitan TVET, belia digesa untuk mengambil peluang bagi menyertai TVET Pembinaan yang dilihat mempunyai prospek besar disamping akan menjadi gerbang setempat dalam laluan kerjaya dan keusahawanan berkaitan industri pembinaan.

“Sudah tiba masanya belia melengkapkan diri dengan ilmu kemahiran bagi memastikan mereka terus relevan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif. Ini penting, bagi memastikan survival dan aktiviti ekonomi dalam negara kita dapat diteruskan tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada pekerja asing yang kurang berkemahiran tinggi.

“Sebab itu CIDB perkenalkan TVET Pembinaan kerana dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) menerusi Teras Produktiviti ditekankan bahawa Malaysia bermatlamat untuk menghasilkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020,” katanya.

Hadir sama dalam upacara pelancaran TVET Pembinaan yang berlangsung di Pusat Konvensyen CIDB Sarawak (CCCS) ialah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKR, Dato' Dr. Ong Gua Pak; Pengurus Besar Kanan, Sektor Personel Binaan CIDB, Megat Kamil Azmi Megat Ruskamarani; Pengarah CIDB Negeri Sarawak, Hj. Mohd Merzan Hashim dan Ketua Pegawai Operasi, Akademi Binaan Malaysia Sarawak, Abdul Rahman Ahmad.

Turut diadakan pada majlis yang dihadiri oleh lebih 300 belia tempatan dari Kuching, Sarawak itu ialah aktiviti '*obstacle games*' berkaitan pembinaan, pameran pembinaan, '*graffiti and painting*', seminar dan '*talkshow*' oleh pelatih ABM yang telah berjaya. Jelajah TVET Pembinaan ini yang bermula di Sarawak kemudian akan meneruskan jelajah Terengganu dan berakhir di Pahang pada tahun ini.

Program Jelajah TVET Pembinaan yang bermula di Kuching, Sarawak ini adalah buat pertama kalinya dianjurkan oleh CIDB dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya (KKR). Buat masa ini, belia yang berminat untuk menyertai program TVET Pembinaan akan disalurkan ke pusat-pusat latihan Akademi Binaan Malaysia (ABM) di seluruh negara. Kemudian, akan dipanjangkan ke pusat-pusat TVET lain yang turut menyediakan kursus-kursus berkaitan pembinaan.

Sejak Akademi Binaan Malaysia (ABM) diwujudkan 23 tahun lalu, bilangan belia di Negeri Sarawak yang telah dilatih oleh ABM adalah seramai 7,731 manakala personel binaan adalah seramai 29,973 pelatih. Sepanjang tempoh tersebut, ABM secara keseluruhannya telah melatih seramai 54,831 belia dan melahirkan 200,283 personel binaan di seluruh Malaysia.

Maklumat dan kursus-kursus berkaitan TVET Pembinaan termasuk borang pendaftaran dan jadual Jelajah TVET Pembinaan boleh diperolehi di **[www.tvetconstruction.my](http://www.tvetconstruction.my)** atau **[www.tvetpembinaan.my](http://www.tvetpembinaan.my)**.

Untuk maklumat lain, sila layari laman web CIDB Malaysia di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*



  
**JELAJAH**  
**TVET** 21 SEPT 2019  
PEMBINAAN 8 PAGI - 5 PETANG  
**KUCHING, SARAWAK**  
CIDB CONVENTION CENTRE SARAWAK (CCCS)

**PELBAGAI AKTIVITI MENARIK MENANTI ANDA!**

PASPORT TVET  
PEMBINAAN | GRAFFITI &  
PAINTING JAM | PAMERAN | SEMBANG  
SANTAI | PERSEMBAHAN  
ARTIS | FOOD  
TRUCK



TVETCONSTRUCTION



TVET.CONSTRUCTION



TVETCONSTRUC